

BANTUAN SARA HIDUP

OBJEKTIF

Meringankan beban kewangan golongan Asnaf Fakir dan Miskin bagi yang tiada pendapatan ataupun pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan asasi hidup.

KEKERAPAN

Bantuan Sara Hidup ini berbentuk sementara bagi meringankan bebanan penerima bantuan dimana pemantauan berterusan akan dibuat. Pemantauan akan dibuat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali. Pembayaran boleh dibuat setiap bulan atau tiga bulan sekali atau enam bulan sekali. Pembayaran adalah hendaklah diagihkan pada setiap bulan pertama untuk setiap peringkat tempoh pembayaran selepas pemantauan penerusan iaitu pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon hendaklah penduduk Islam Sarawak atau mereka yang bermastautin di Sarawak.
2. Pendapatan pemohon/keluarga mestilah kurang atau pada paras Had Al-Kifayah.
3. Mereka yang uzur dan hidup sebatang kara dengan hanya bergantung hidup dari bantuan pihak lain.
4. Tiada daya atau usaha untuk menghasilkan pendapatan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Gambar hasil siasatan (Gambar depan rumah, bersama pemohon dan tanggungan, dapur dan ruang tamu rumah).
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.